

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 JULAI 2014 (KHAMIS)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|---|-----------------|
| 1. | BioShoppe platform untuk produk syarikat BioNexus | Utusan Malaysia |
| 2. | RM1j untuk projek perintis tiram | Harian Metro |
| 3. | MDV to promote more tech companies under 11MP | The Star |
| 4. | MDV mohon dana RM100j | Harian Metro |
| 5. | Pressure now on Netherlands team to identify bodies | The Star |
| 6. | Selangor may face water rationing again | The Sun |

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 20
TARIKH: 24 JULAI 2014 (KHAMIS)

BioShoppe platform untuk produk syarikat BioNexus



EWON Ebin (kiri) menunjuk logo baharu BioEconomy Malaysia sambil diperhatikan oleh Phang Nyie Lin (kanan) pada majlis pelancaran Bioshoppe@Nova di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 23 Julai - Penubuhan BioShoppe di peringkat runcit adalah langkah utama **Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp)** untuk mempergiatkan kehadiran dan penerimaan pasaran kepada produk penjagaan kesihatan berkaitan bioteknologi.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, matlamat penubuhan BioShoppe adalah untuk mengumpulkan produk-produk berkualiti tinggi daripada syarikat BioNexus dan memasarkan bawah program pemasaran strategik.

Katanya, syarikat berstatus BioNexus kekal penting kepada bioekonomi Malaysia dan ia menyumbang hampir RM4 bilion dalam bentuk pelaburan kepada ekonomi negara.

"Terdapat lebih 60 produk minuman kesihatan, kosmetik dan penjagaan badan sehingga makanan tambahan herba dipilih daripada 13 syarikat BioNexus yang berada di BioShoppe ini.

"Kami menjangkakan lebih banyak lagi syarikat BioNexus

akan berada di BioShoppe pada masa depan," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran BioShoppe di Nova Natural Supplement and Skincare di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan Pengarah Urusan Nova Laboratories Sdn. Bhd., Phang Nyie Lin.

Sementara itu, Mohd. Nazlee memberitahu, adalah sukar untuk mendapatkan produk bioteknologi keluaran negara ini di farmasi-farmasi tempatan dan kerjasama dengan Nova itu akan menyediakan satu platform kepada syarikat-syarikat BioNexus memasarkan produk mereka.

Beliau berharap dengan pendekatan ini, produk-produk tempatan ini dapat berkembang dan boleh menembusi pasaran antarabangsa.

Dalam pada itu, BiotechCorp mengunjurkan jualan sebanyak RM1 juta bagi produk daripada syarikat-syarikat BioNexus yang berada di BioShoppe pada tahun depan dan menjangka dapat menjana jualan sehingga RM200,000 pada tahun ini.

RM1j untuk projek perintis tiram

Balik Pulau: Balik Pulau sudah dikenal pasti sebagai kawasan yang sesuai untuk penternakan tiram dan pembiakan gamat pertama di Malaysia bagi memenuhi permintaan dari dalam dan luar negara.

Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, Kerajaan Pusat melalui Unit Perancang Ekonomi telah me-

luluskan peruntukan awal RM1 juta untuk melaksanakan projek perintis di Sungai Burung di sini.

Menurutnya, kawasan lebih 80 hektar dikenal pasti sebagai sesuai untuk pembiakan dan penternakan tiram serta gamat.

“Kerja-kerja pengorekan kolam dan pembinaan infrastruktur akan bermula akhir tahun ini se-

belum aktiviti pembiakan dan perternakan dimulakan awal tahun depan,” katanya di sini, semalam.

Hilmi yang juga Timbalan Menteri Kesihatan berkata, projek itu akan dijalankan dengan kerjasama pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotech Corp).

Menurutnya, beberapa kolam akan dibina dalam fasa pertama projek itu, dengan sebuah kolam seluas 0.4 hektar dapat menampung lebih 200,000 benih tiram.

“Pada masa sama, ternakan gamat dijalankan pada kolam yang sama dengan tempoh matang antara lapan hingga 10 bulan,” katanya. -BERNAMA

MDV to promote more tech companies under 11MP

KUALA LUMPUR: Malaysia Debt Venture Bhd (MDV) has submitted a strategic paper to the Government in its quest to promote more technology companies in the 11th Malaysia Plan (11MP).

Managing director and chief executive officer Datuk Md Zubir Ansori Yahaya said MDV had sought a RM100mil fund in the 11MP to help technology companies bridge the gap between post research and development, and pre-commercialisation.

He said a RM40mil fund managed by MDV to promote technology companies in the 10MP had been fully utilised.

"From our observation, many more early-stage technology companies require similar funding to spur business growth," he told *Bernama*.

The 10MP will end next year.

MDV lends money to technology

We want to emulate the success of the 10MP.

- Datuk Md Zubir Ansori Yahaya

companies at the pre-commercialisation stage to help improve the commercialisation rate of developed technologies and technology participation.

For the past 12 years, MDV has played a significant role in nurturing more than 600 technology projects

by disbursing loans to the tune of over RM8bil.

Under the 10MP Commercialisation Fund, MDV had approved a Mudharabah facility worth RM40mil to finance technology companies and since 2012, had disbursed RM49mil to 18 technology companies.

"We want to emulate the success of the 10MP Commercialisation Fund in the 11MP," Md Zubir Ansori said.

Apart from the 10MP Commercialisation Fund, MDV also manages the Intellectual Property Financing Scheme and the Bumiputra, Biotechnology and Bio-Industry Development Fund (in collaboration with the Science, Technology and Innovation Ministry, the Malaysian Biotechnology Corp and the Economic Planning Unit).

Md Zubir said MDV aspired to

expand its funding portfolio in 2015 by venturing into new areas, namely aerospace, automobile and the oil and gas.

Information and communication technology (ICT) is still the mainstay of MDV's portfolio, he said, adding: "ICT accounted for 65% of our portfolio of over RM1bil, followed by green technology between 25% and 28% while the rest is biotechnology."

On the recent overnight policy rate (OPR) hike by Bank Negara, he said it would not affect MDV schemes, cost structure and business operations that catered for niche markets.

"However, in the medium and long term, should it continue on an uptrend, the OPR could have some impact on MDV's financing structure, and depending on the financing tenure of loans," he added. - *Bernama*

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 64
TARIKH: 24 JULAI 2014 (KHAMIS)**

MDV mohon dana RM100j

Kuala Lumpur: Malaysia Debt Venture Bhd (MDV) sudah mengemukakan kertas strategik kepada kerajaan dalam usahanya mempromosikan lebih banyak syarikat teknologi dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Md Zubir Ansori Yahaya (*gambar*) berkata, MDV memohon dana RM100 juta dalam RMK-11 bagi membantu syarikat teknologi merapatkan jurang antara pasca penyelidikan dan pembangunan serta prapengkomersialan.

Beliau berkata, dana RM40 juta oleh MDV bagi menggalakkan syarikat teknologi dalam RMK-10 yang berakhir tahun depan, sudah digunakan sepenuhnya.

"Berdasarkan pemantauan kami, banyak lagi syarikat teknologi yang baru ditubuhkan memerlukan pembiayaan serupa bagi merangsang pertumbuhan perniagaan mereka," katanya.

MDV meminjamkan wang



kepada syarikat teknologi pada peringkat prapengkomersialan bagi membantu meningkatkan kadar pengkomersialan teknologi yang dibangunkan serta penyeritaan dalam teknologi.

Sepanjang 12 tahun lalu, MDV memainkan peranan penting dalam membangunkan lebih 600 projek teknologi dengan mengagihkan pinjaman berjumlah RM8 bilion. Dalam RMK-10 Dana Pengkomersialan, MDV meluluskan kemudahan Mudarabah bernilai RM40 juta bagi membiayai syarikat teknologi dan sejak

2012, mengagihkan RM49 juta kepada 18 syarikat teknologi.

"Kami mahu meniru kejayaan Dana Pengkomersialan RMK-10 dalam RMK-11," katanya.

Selain Dana Pengkomersialan RMK-10, MDV juga mengurus Skim Pembiayaan Harta Intelek dan Dana Pembangunan Industri Bio dan Bioteknologi Bumiputera, (dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Perbadanan Bioteknologi Malaysia, dan Unit Perancang Ekonomi).

Md Zubir berkata, MDV berhasrat mengembangkan portfolio pembiayaan pada 2015 dengan menceburi bidang baru seperti aeroangkasa, kereta serta minyak dan gas.

"Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) masih tonggak utama portfolio MDV. ICT menyumbang 65 peratus kepada portfolio kami iaitu melebihi RM1 bilion, diikuti teknologi hijau antara 25 dan 28 peratus manakala selebihnya daripada bioteknologi," katanya. - BERNAMA

